



KPKT

SISTEM KEHADIRAN PKP

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PAUTAN SISTEM

Gunakan browser Chrome atau Mozilla Firefox atau Internet Explorer (versi 7 ke atas).

Taip pautan berikut :

kehadiran-pkp.kpkt.gov.my



WAKTU PENDAFTARAN

Pengguna sistem adalah diingatkan untuk mendaftar mengikut waktu yang telah ditetapkan. Sistem akan merakam waktu-waktu log masuk seperti berikut:

1. 6.30 pagi sehingga 9.00 pagi – Status waktu pejabat.
2. 9.01 pagi sehingga 12.00 tengahari – Status lewat.
3. 12.01 tengahari dan ke atas – Status gagal dihubungi.

Peringatan : Pendaftaran akan ditutup pada jam 12.00 tengahari.

LOG MASUK

Masukkan nombor kad pengenalan tanpa “-“ dan klik butang LOG MASUK. Skrin berikut akan terpapar.



MENU PENDAFTARAN


1. Apabila butang PENDAFTARAN ditekan, skrin berikut akan terpapar.



2. Sistem akan memaparkan kebenaran untuk membaca lokasi terkini pengguna.

Peringatan : Pengguna diwajibkan klik butang 'Allow' bagi membolehkan sistem membaca kedudukan pengguna secara automatik.


3. Klik pada pilih status bagi memilih status-status berikut:




4. Sila isikan maklumat-maklumat diperlukan bagi jenis status yang dipilih.

5. Bagi ruangan Lokasi, sistem akan mengeluarkan kedudukan pengguna berdasarkan GPS atau alamat IP (*IP address*) yang dibaca secara automatik. Sekiranya terdapat kesilapan bacaan lokasi, pengguna boleh mengubah dengan menaip semula lokasi berkenaan.

6. Contoh maklumat yang telah didaftarkan:



- Klik butang HANTAR.
- Mesej kepastian untuk mendaftarkan kedudukan pengguna akan terapar.



kehadiran-pkp.kpkt.gov.my says
Sila pastikan pilihan anda tepat, maklumat tidak boleh dikemaskini setelah penghantaran maklumat dibuat.

OK Cancel

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPPT)
SISTEM LAPORAN KEHADIRAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Selamat Datang PUAN NUR HAYATI BINTI MARZUKI

PKP: Hadir Bertugas ke Pejabat

Presint 4, Putrajaya, 62100, Malaysia

Untuk mengesan kedudukan terkini anda disarankan untuk membenarkan *Plugin Location*

HANTAR

- Klik OK. Paparan berikut akan dikeluarkan.



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPPT)
SISTEM LAPORAN KEHADIRAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Selamat Datang PUAN NUR HAYATI BINTI MARZUKI
Pendaftaran telah dilakukan pada 27/04/2020

Pergerakan Masuk/Keluar Pejabat

Log Keluar

- Pengguna boleh terus log keluar atau memilih untuk mendaftarkan waktu pergerakan masuk/keluar pejabat sekiranya perlu. Jika pengguna belum

mendaftar waktu masuk/keluar tersebut selepas log keluar, pengguna boleh log masuk semula dan daftarkan waktu berkenaan.

Peringatan : Pendaftaran waktu masuk/keluar pejabat hanya boleh dilaksanakan SEKALI SAHAJA dalam sehari.

11. Berikut adalah contoh paparan memasukkan anggaran waktu masuk dan keluar pejabat.

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPPT)
SISTEM LAPORAN KEHADIRAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Selamat Datang PUAN NUR HAYATI BINTI MARZUKI
Pendaftaran telah dilakukan pada 27/04/2020

Sila masukkan pergerakan jangkaan masuk dan keluar pejabat

Waktu Masuk Waktu Keluar

07:00 AM 12:00 PM

HANTAR

12. Klik butang HANTAR. Klik butang OK sekiranya pengguna telah pasti untuk mendaftar.



13. Pengguna telah selesai mendaftar kedudukan dan boleh log keluar. Sebarang pindaan tidak boleh dilaksanakan bagi tarikh yang telah didaftarkan.
14. Sekiranya terdapat perubahan masa anggaran masuk/keluar pejabat, sila rujuk kepada admin Bahagian/Jabatan masing-masing.